

**TALKING POINTS ALUAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)**

**LAWATAN KAKITANGAN IKMa
LANTIKAN KONTRAK BAHARU 2022**

**6 OKTOBER 2022 (KHAMIS)
2.00 PETANG
DEWAN DATO' ALI BAHARUM,
ANGKASA**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Keluarga
Malaysia

YBrs. Encik Hasnan Hj. Mustapha
Setiausaha Eksekutif ANGKASA

YBrs. Tuan Hj. Anuar Bulin
Pengurus Besar Bahagian Skretariat

Peserta-Peserta Kursus Induksi Kakitangan IKMa

YBrs. Pegawai-Pegawai Pengiring
IKMa:

- ❖ Encik Khairul Saim
Penolong Pengarah Pustakawan

❖ Cik Hanani Abd Rashid
Penolong Pegawai Tadbir
Unit Pengurusan Sumber Manusia

Pegawai-Pegawai ANGKASA

Tuan-Tuan/Puan-Puan dihormati
sekalian

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana diberi keizinan untuk bersama-sama tuan/puan pada petang ini.

2. Saya mengucapkan selamat datang ke ANGKASA kepada peserta-peserta Kursus Induksi Jabatan Kakitangan IKMa Lantikan Kontrak

Baharu Tahun 2022. Tidak lupa juga kepada Pegawai-Pegawai Pengiring dari IKMa.

3. Saya difahamkan lawatan ini merupakan sebahagian pengisian Kursus Induksi bertujuan memberikan kefahaman mengenai peranan agensi-agensi di bawah KUSKOP.

Syabas dan tahniah kepada pihak IKMa

4. ANGKASA sangat menghargai lawatan ini dan bersedia berkongsi maklumat mengenai ANGKASA yang akan disampaikan Setiausaha Eksekutif ANGKASA, Encik Hasnan Mustapha.

Tuan-Tuan/Puan-Puan Sekalian

5. KUSKOP, SKM, IKMa dan ANGKASA adalah satu keluarga, saling melengkapi khususnya dalam pembangunan gerakan koperasi Malaysia. Ia selaras dengan pembahagian tugas dan

tanggungjawab termaktub dalam Aspirasi Koperasi Malaysia.

6. IKMa merupakan rakan strategik dalam projek-projek tertentu yang dijayakan ANGKASA. Untuk itu, ANGKASA memerlukan kerjasama dan komitmen pegawai-pegawai IKMa. Contoh terkini dalam pembangunan

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi, ANGKASA sebagai pihak diberi amanah dan kepercayaan memerlukan gandingan mantap dan kepakaran KUSKOP, SKM dan IKMa bagi memastikan kemenjadian pelan ini.

7. Alhamdulillah sehingga kini, kita sentiasa mendapat kerjasama padu daripada pihak IKMa dan berharap ianya berterusan.

8. Ini kerana banyak program di bawah Aspirasi Koperasi Malaysia yang sedang dirangka akan melibatkan pihak KUSKOP, SKM, IKMa,

ANGKASA dan koperasi-koperasi terpilih. Ini salah satu agenda untuk memperkasakan kesepakatan dan kerjasama agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan gerakan koperasi. Kita percaya usaha ini akan membuahkan hasil yang memberi dampak lebih tinggi.

9. Sebagai contoh, *Cooperative Leadership Programme* (CLP) yang akan diadakan ANGKASA berkonsepkan *indoor* dan *outdoor* November ini, akan melibatkan pengurusan KUSKOP (10 orang), SKM (10 orang), IKMa (10 orang), ANGKASA dan koperasi-koperasi terpilih.

10. Saya mengharapkan lawatan ini memberi impak yang baik kepada pihak tuan-tuan/puan-puan khususnya dalam mengenali ANGKASA dengan lebih jelas lagi.

11. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada pihak IKMa yang menyusun program ini dan menjadikan

ANGKASA sebagai agensi yang mesti difahami dan diketahui peranannya oleh pegawai-pegawai lantikan baharu.

Sekian terima kasih.

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.